

**BIBLIOGRAFI  
TUNKU ABDUL RAHMAN  
PUTRA AL-HAJ**

Perpustakaan Negara Malaysia  
Kuala Lumpur  
2003

Cetakan Pertama 2003  
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2003

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:  
Perpustakaan Negara Malaysia  
232 Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur  
Tel : 03-26871700  
Fax : 03-26929767  
Laman web : [www.pnm.my](http://www.pnm.my)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

ISBN 967-931-132-5

1. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, 1903-1990. 2. Prime ministers—Malaysia—Bibliography. 3. Malaysia—Politics and government—Bibliography. I. Perpustakaan Negara Malaysia. 016.9232595

MR  
016-9232595  
816 13 NOV 2003  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB 01129900

## KANDUNGAN

Perutusan.....	v
Kata Aluan.....	vi
Prakata.....	vii
Ahli Jawatankuasa.....	x
Biografi Ringkas.....	xi
Monograf.....	1
Ucapan.....	17
Kertas Kerja Seminar / Persidangan.....	61
Artikel Majalah.....	65
Artikel Surat Khabar.....	75
Sumber Media.....	89
Sumber Elektronik.....	105
Laman Web.....	125
Surat.....	133
Foto.....	143
Gambar Foto.....	163
Madah Seorang Negarawan.....	177

**PERUTUSAN**  
**MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**MERANGKAP Pengerusi Yayasan Tunku Abdul Rahman**

*S*aya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia di atas usaha dan kejayaan menerbitkan *Bibliografi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, yang disambut sepanjang bulan Februari tahun 2003 ini. <sup>4</sup>

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah seorang pemimpin negara yang telah berjaya memerdekakan negara tanpa setitik pertumpahan darah. Almarhum Tunku juga adalah tokoh negarawan terulung yang telah memberi sumbangan yang tidak ternilai besarnya dalam meletakkan asas yang kukuh terhadap pembentukan negara Malaysia. Sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku telah banyak menabur jasa kepada negara dan bangsa dan di atas usaha gigih Almarhum Tunku untuk menanam perasaan muhibbah dikalangan rakyat berbilang kaum di negara ini kita dapat hidup dengan harmoni selama ini. Selain dari menumpukan khidmat bakti dalam bidang politik dan pembangunan negara Almarhum Tunku juga aktif dalam kegiatan kebajikan, sukan dan kebudayaan. Selain dari itu Almarhum Tunku merupakan seorang yang aktif dalam bidang penulisan. Justeru itu, banyak hasil penulisan Tunku telah diterbitkan sama ada di dalam bentuk buku atau artikel dalam majalah.

Usaha Perpustakaan Negara Malaysia menerbitkan *Bibliografi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* dan membina pangkalan data *Bibliografi Perdana Menteri*, memastikan ketersediaan sumber maklumat yang terkumpul yang boleh dikesan dan dicapai dengan tepat dan mudah bagi tujuan penyelidikan dan rujukan generasi kini dan akan datang.



**Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad**

**KATA ALUAN**  
**KETUA PENGARAH**  
**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Sebagai sebuah institusi yang mengumpul pelbagai sumber ilmu dan maklumat warisan intelek negara, Perpustakaan Negara Malaysia amat komited dalam menyediakan sumber rujukan bagi memudahkan rujukan dan capaian kepada maklumat yang terkumpul samada yang terdapat di dalam koleksinya atau pun koleksi perpustakaan lain. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia ialah menerbitkan *Bibliografi Perdana Menteri Atas Talian* yang merupakan satu-satunya bahan rujukan yang mengumpul secara komprehensif maklumat berkaitan Perdana Menteri Malaysia. Ia merangkumi karya yang telah dihasilkan oleh setiap Perdana Menteri dan penulisan/karya mengenai mereka. Bibliografi ini yang dapat dicapai melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia <http://www.pnm.my> telah dilancarkan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2002 Perpustakaan Negara Malaysia oleh Yang Berhormat Dato Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebagai sebuah institusi yang mengumpul pelbagai sumber ilmu dan maklumat warisan intelek negara, Perpustakaan Negara Malaysia amat komited dalam menyediakan sumber rujukan bagi memudahkan rujukan dan capaian kepada maklumat yang terkumpul samada yang terdapat di dalam koleksinya atau pun koleksi perpustakaan lain. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia ialah menerbitkan *Bibliografi Perdana Menteri Atas Talian* yang merupakan satu-satunya bahan rujukan yang mengumpul secara komprehensif maklumat berkaitan Perdana Menteri Malaysia. Ia merangkumi karya yang telah dihasilkan oleh setiap Perdana Menteri dan penulisan/karya mengenai mereka. Bibliografi ini yang dapat dicapai melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia <http://www.pnm.my> telah dilancarkan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2002 Perpustakaan Negara Malaysia oleh Yang Berhormat Dato Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia.

Usaha untuk menerbitkan *Bibliografi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* dalam versi bercetak bertujuan untuk memperluas sebaran dan capaian kepada sumber maklumat yang telah dikumpul dan juga sebagai rakaman khazanah negara bagi memperingati jasa bakti Almarhum Tunku Abdul Rahman. Bibliografi ini diharap akan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada penyelidik dan orang awam yang ingin mengetahui secara mendalam tentang kehidupan, kegiatan politik dan sosial, minat, pemikiran serta ketokohan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Akhir kata saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua perpustakaan di atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan Bibliografi ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Penerbitan *Bibliografi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* di atas komitmen dan usaha gigih mereka untuk menjayakan penerbitan Bibliografi ini.



**Dato' Zawiyah Binti Baba**